

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 11 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1311-L54380
Dato' Sri Azalina binti Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status Penilaian Alam Sekitar (EIA) terhadap Kuo Kuang Petrochemical Malaysia Sdn. Bhd yang bercadang melabur di Projek RAPID Pengerang. Adakah syarikat Daya Eco Techno dilantik menjadi perunding alam sekitar syarikat tersebut dengan pengetahuan Jabatan Alam Sekitar.
2. PR-1311-L54650
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pendatang dengan dan tanpa izin dan bilangan pekerja warganegara. Apakah dasar Kementerian mengenai pendatang dan langkah-langkah jangka pendek dan panjang.
3. PR-1311-L53740
Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah instrumen baru yang bakal digunakan dalam usaha merancakkan pasaran modal tempatan tahun ini setelah berjaya muncul pada tahun 2012 lalu sebagai salah satu destinasi IPO terbesar dunia dengan sejumlah RM23 bilion dijana melalui proses ini.
4. PR-1311-L53588
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah isu-isu alam sekitar utama yang melibatkan Cameron Highlands yang boleh ditangani dalam jangka masa yang pendek dan panjang.
5. PR-1311-L53207
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keperluan penubuhan Majlis Penyatuan Ekonomi Negara (NERC) bagi mendengar rungutan komuniti perniagaan dari semua kaum dan mewujudkan kerjasama perniagaan bagi usaha mengelak keraguan dan ketidakpuasan antara kaum di negara ini.

6. PR-1311-L54114

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-

- (a) setakat mana TNB dapat mengurangkan kos operasinya dengan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kecekapan operasi; dan
- (b) adakah langkah menaikkan kadar kegunaan elektrik dipengaruhi oleh kenaikan tanggungan kepada penjana-penjana bebas (IPP).

7. PR-1311-L55034

Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian mempunyai rancangan supaya Kedai Runcit 1Malaysia (KR1M) dapat diperluaskan di negeri Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar supaya lebih ramai penduduk dapat dimanfaatkan ; dan
- (b) apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelaraskan harga barang di Sabah dan Sarawak yang secara umumnya lebih mahal berbanding dengan Semenanjung.

8. PR-1311-L54102

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian Kesihatan akan membekalkan Pneumonia Vaccine percuma untuk anak-anak kita.

9. PR-1311-L53754

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan seterusnya Kementerian dalam membangunkan Pendidikan Agama di sekolah-sekolah terutamanya sekolah pondok dan sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Adakah Kementerian sedar berikut semakan keputusan ke IPTA terdapat banyak calon-calon dari Sekolah Menengah Agama tidak mendapat tempat walaupun mendapat keputusan 6A sedangkan dari sekolah-sekolah lain hanya mendapat 3A sudah ditawarkan ke matrikulasi. Apakah langkah susulan diambil oleh kementerian berkenaan perkara tersebut.

10. PR-1311-L53652

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan cadangan cuti bersalin untuk para ibu ditambah kepada 90 hari dan pindaan kepada penambahan bilangan kelahiran oleh pekerja wanita yang diperuntukan dalam Akta Kerja 1955 harus dilakukan.

11. PR-1311-L53164
Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian akan menambahkan peruntukan bagi membina jalan-jalan kampung di seluruh kawasan Parlimen Parit bagi membolehkan rakyat menikmati hasil kemerdekaan negara tercinta ini.
12. PR-1311-L54932
Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan dan pembinaan Universiti Awam di kawasan Parlimen Lumut khasnya dan di seluruh negeri Perak amnya.
13. PR-1311-L53608
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) agensi yang bertanggungjawab mendaftar dan mentadbir urus rekod ibu-ibu tunggal di negara ini; dan
 - (b) jenis-jenis bantuan yang disediakan dan disalurkan kepada golongan ini serta jumlahnya sepanjang dua tahun yang lepas.
14. PR-1311-L54192
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan meluluskan permit penerbitan akhbar rasmi Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) iaitu Suara Keadilan.
15. PR-1311-L53063
Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penyiasatan terkini Polis DiRaja Malaysia (PDRM) berhubung dakwaan wujudnya konspirasi menggulingkan Kerajaan melalui demonstrasi jalanan dan rusuhan dengan nama Malaysia Spring.
16. PR-1311-L54539
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan 22 saranan Transparency International-Malaysia (TI-M) dalam memorandum *Reform of Political Financing in Malaysia* oleh TI-M. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.
17. PR-1311-L54018
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
 - (a) apakah kesan kewujudan hypermarket kepada peniaga runcit kecil-kecilan; dan

- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan peniaga runcit kecil-kecilan yang tidak dapat bersaing dengan tawaran harga yang disediakan oleh hypermarket kerana harga daripada pemberong kepada peniaga runcit kecil-kecilan sentiasa lebih tinggi berbanding hypermarket.
18. PR-1311-L54256
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah klinik kesihatan Kerajaan yang berada di Kuala Lumpur dan adakah wujud penambahan dari masa ke semasa.
19. PR-1311-L53344
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menyediakan lebih banyak kemudahan sukan dan riadah kepada golongan muda di kawasan kampung dan kampung baru, termasuk kawasan kampung orang Asli.
20. PR-1311-L53823
Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pemegang Kad Pengenalan Sementara (Kad Pengenalan Merah) yang telah memohon kewarganegaraan Malaysia yang masih dalam pertimbangan Kementerian. Sila nyatakan jumlah kewarganegaraan yang telah diberikan semenjak 1/1/2008 hingga 31/12/2012.
21. PR-1311-L53337
Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk membolehkan penduduk yang telah lama menetap di Malaysia terutamanya mereka yang berumur lebih daripada 60 tahun, mendapatkan taraf kewarganegaraan dengan lebih cepat; dan
 - (b) langkah-langkah diambil oleh Kerajaan untuk mempermudahkan proses mendapat taraf kewarganegaraan untuk kanak-kanak di mana bapa atau ibu mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia.
22. PR-1311-L54078
Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan mendokong Dua Puluh (20) Perkara (di Sabah) seperti dalam Manifesto Pilihan Raya Barisan Nasional (Sabah) pada Pilihan Raya Umum Tiga Belas (13).
23. PR-1311-L53509
Datuk Joseph Salang Gandum [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam meningkatkan pendapatan 80% penduduk yang masih di bawah paras sasaran pendapatan per kapita menjelang tahun 2020.

24. PR-1311-L53449
Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan membenarkan pengambil alihan SYABAS oleh Kerajaan Negeri Selangor atau sebaliknya.
25. PR-1311-L53457
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah jumlah nilai subsidi pengangkutan untuk petrol dan LPG untuk Parliment Limbang setahun dari tahun 2009 hingga 2013.
26. PR-1311-L53922
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Universiti Kolej Teknologi Sarawak di Sibu ialah sebuah universiti atau kolej dan apakah status UCTS sama ada dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau swasta. Adakah kursus yang ditawarkan menepati piawaian Kerajaan melalui pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara.
27. PR-1311-L53877
Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca utama kehilangan 133,000 MyKad dalam tempoh tiga bulan iaitu dari Januari hingga Mac tahun 2013 di seluruh negara seperti yang dilaporkan dalam media massa pertengahan Mei 2013 lalu yang boleh menimbulkan kebimbangan kepada kestabilan keselamatan.
28. PR-1311-L53580
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bantuan yang diberikan kepada syarikat-syarikat bas henti-henti swasta bersaing dengan Prasarana, sebuah syarikat kerajaan yang mengendalikan RapidKL, RapidPenang, RapidKuantan dan lain-lain.
29. PR-1311-L53308
Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah cara-cara untuk memastikan harga tanaman para petani tidak jatuh secara mendadak, kerana baru-baru ini, hasil tanaman para petani telah jatuh sebanyak 30 peratus dan ini akan menjaskan pendapatan mereka.
30. PR-1311-L53707
Puan Kasthuriyani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perbelanjaan pengubahsuaian dan sewa untuk penempatan sementara Hospital Daerah Lawas serta tarikh siap pembinaan hospital baru, pakar perubatan serta kemudahan, peralatan baru yang akan dilengkapi dan juga pampasan oleh pihak Kerajaan bagi kes-kes kecuaian di hospital tersebut dari tahun 2000 sehingga kini.

31. PR-1311-L54368
Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar Kerajaan berhubung Akta Minuman keras yang dijual secara umum seperti di kedai serbaneka 24 jam dengan tanpa sebarang pemantauan yang dibuat terhadap perkara tersebut.
32. PR-1311-L54468
Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai isu perkauman yang sentiasa dipermainkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab terutamanya Utusan Malaysia yang telah memaparkan satu artikel yang cukup sensitif dan bahaya bertajuk 'Apa Lagi Cina Mahu' pada 7 Mei 2013. Apakah tindakan Kerajaan terhadap persoalan ini.
33. PR-1311-L54734
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
 - (a) apakah rancangan Kerajaan untuk membaik pulih bangunan-bangunan sekolah yang berbahaya di seluruh negara; dan
 - (b) apakah tindakan dan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk membaik pulih dan membina semula bangunan berbahaya SK Kem Batu 18, Bintulu
34. PR-1311-L54234
Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah Flat PPR yang kini diduduki oleh golongan kurang upaya/beza upaya. Apakah pelan Kementerian untuk menolong golongan kurang upaya memiliki rumah.
35. PR-1311-L53626
Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan aktiviti pembangunan komuniti bagi masyarakat bandar seperti mana Kerajaan mengadakan aktiviti Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di kawasan luar bandar.
36. PR-1311-L54305
Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Rang Undang-undang untuk Akta Keharmonian Nasional yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012 lalu untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 akan disiapkan dan dibentangkan di Parlimen.

37. PR-1311-L54626
Dato' Abd. Aziz bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengatasi masalah isu kenaikan harga rumah dan kenaikan harga hartanah di mana nilai rumah menjadi beban kepada rakyat untuk memiliki rumah mampu milik. Apakah makanisme pengawalan harga rumah dan hartanah yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini.
38. PR-1311-L53935
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status siasatan kes pemindahan RM10 juta secara haram ke London melalui perkhidmatan Salamat Ali Money Changer Sdn. Bhd. yang melibatkan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hassan.
39. PR-1311-L53495
Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada jumlah dan prestasi doktor dan kakitangan kesihatan di negara ini telah mencapai tahap yang boleh membawa kepada negara maju menjelang tahun 2020.
40. PR-1311-L53359
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada peraturan-peraturan berkaitan Pendaftaran Pengundi akan diubahsuai supaya membuka ruang untuk mengemukakan bantahan terhadap pengundi yang telah dimasukkan ke dalam senarai induk pada satu masa dahulu.
41. PR-1311-L53379
Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan sedar, sudah begitu lama pencek bekas wakil rakyat tidak dinaikkan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula perkara ini memandangkan terdapat bekas wakil rakyat yang menerima pencek terlalu kecil.
42. PR-1311-L54348
Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan skim penjagaan 1Care dan peratus potongan yang akan dikenakan terhadap pendapatan individu untuk skim ini.
43. PR-1311-L53798
Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana kejayaan dan kegagalan projek-projek pelaburan zakat oleh industri zakat di Malaysia.
44. PR-1311-L53630
Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah pihak Kementerian memerlukan tempoh selama 3 minggu untuk mengambil tindakan semasa insiden pencerobohan di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah.

45. PR-1311-L53951
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang masalah Projek KLIA2 bersabit tarikh siap yang berkali-kali ditunda serta kos yang melambung daripada RM2 billion hingga RM4 billion. Apakah penalti terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab.
46. PR-1311-L54200
Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu golongan berpendapatan isi-rumah antara RM 3,000.00 ke RM 5,000.00 bagi menangani kesan kenaikan harga barang.
47. PR-1311-L54518
Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah teras pengurusan hasil minyak negara, sedangkan pelaburan seperti Prince Court Medical Centre mengalami kerugian yang besar, dan sanggupkah Kerajaan meletakkan PETRONAS di bawah kuasa Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.
48. PR-1311-L53077
Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini tentang tuntutan Royalti Petroleum untuk rakyat negeri Kelantan seperti mana termaktub dalam Akta Pembangunan Petroleum 1975. Bilakah pembayaran tunai melebihi 20% yang dijanjikan dalam manifesto BN kepada negeri Kelantan dan negeri-negeri yang layak akan diberikan.
49. PR-1311-L53324
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) jumlah dana Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy*) terkumpul sehingga kini hasil daripada bayaran tambahan sebanyak 1% daripada bil elektrik bulanan; dan
 - (b) kemajuan, keberkesanan dan impak pelaksanaan polisi Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy*) sehingga kini.
50. PR-1311-L53805
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah tawaran-tawaran yang di hantar oleh pihak syarikat kewangan kepada individu-individu tertentu dianggap melanggar salah satu daripada 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi.
51. PR-1311-L54577
Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan isu gangguan yang dihadapi oleh sesetengah rakyat yang ingin membuat laporan polis berkenaan dengan dakwat kekal yang tidak kekal yang digunakan oleh Suruhan Pilihanraya (SPR) dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

52. PR-1311-L53389
Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 dapat disiapkan sepenuhnya dan nyatakan pakej-pakej berkaitan yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual serta perancangan untuk mengatasinya.
53. PR-1311-L54839
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bila bantuan kebajikan akan meningkat dari RM 300 ke RM 500. Selain daripada kebajikan, sila senaraikan bantuan lain yang akan dikemukakan untuk membantu keluarga miskin. Bolehkah mereka mendapat kedua-dua bantuan dalam masa yang sama dan mengapa.
54. PR-1311-L54327
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kemalangan di 14 lokasi AES sebelum dan selepas AES dikuatkuasakan bermula 22 September 2012.
55. PR-1311-L53807
Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menarik balik semula semua pendakwaan ke atas mana-mana individu di bawah Akta Hasutan 1948.
56. PR-1311-L53249
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang kedudukan permohonan Pakatan Rakyat untuk menjadi sebuah parti politik:-
- (a) sejak tahun 2008, berapa kali permohonan telah diterima oleh Kementerian; dan
 - (b) nyatakan semua sebab-sebab yang mengakibatkan permohonan ini ditolak atau ditangguh dan apakah kriteria yang diperlukan untuk permohonan ini diluluskan.
57. PR-1311-L53844
Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah permusnahan beramai-ramai kera oleh Perhilitan sebanyak 87,900 dalam tahun 2011 dan 97,200 tahun 2012 dilakukan secara kejam dan mengapa jumlah begitu besar dimusnahkan.
58. PR-1311-L54244
Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap tawaran rakyat Negeri Selangor kepada syarikat konsesi perkhidmatan air dalam usaha memberikan menyerahkan hak air kepada rakyat.

59. PR-1311-L53196

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah konsep pengeluaran hak milik strata dan pemilikan kosong (vacant possession) secara serentak dapat dilaksanakan dan apakah halangan dari segi perundangan untuk konsep tersebut dilaksanakan.

60. PR-1311-L53248

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) statistik jumlah penduduk Sarawak yang tidak memiliki sijil kelahiran dan kad pengenalan dan apakah usaha Kerajaan untuk tahun 2013 dan seterusnya untuk menyelesaikan masalah tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai rancangan bagi membiayai kos pemeriksaan DNA sebagai dokumen sokongan khusus kepada permohonan kewarganegaraan terutama masyarakat luar bandar di Sarawak dan Sabah yang lambat mendaftar.

61. PR-1311-L54762

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi menaik taraf Jalan Ban (Skim Pertanian) yang mengalami masalah mendapan (penurunan tanah) di negeri Sarawak. Adakah Kementerian membuat perancangan untuk menaik taraf dan menurap semua Jalan Ban yang dibina oleh Jabatan Pengairan dan Saliran di kawasan Asajaya, Samarahan yang kebanyakannya mengalami penurunan ketinggian yang telah menyebabkan air masin melimpah ke kawasan tanaman dan telah menyebabkan kejadian banjir.

62. PR-1311-L53048

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jalan luar bandar yang masih lagi belum siap dalam usaha menghubungkan kawasan pedalaman dengan bandar.

63. PR-1311-L54444

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah terperinci yang akan diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengatasi masalah banjir, banjir lumpur dan tanah runtuhan seperti di Bukit Gasing; dan
- (b) kesediaan DBKL mewujudkan tabung ganti rugi banjir bagi meringankan beban rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah.

64. PR-1311-L53119
Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kedai-kedai (*outlet*) judi di seluruh negara mengikut negeri pada tahun 2012.
65. PR-1311-L53784
Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Perdana Menteri telah datang ke negeri Kelantan sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 yang lepas dan berjanji untuk melaksanakan 7 perkara besar bagi rakyat negeri itu. Apakah ia akan terus dilaksanakan walaupun BN tidak berjaya mengambil alih pentadbiran negeri Kelantan.
66. PR-1311-L54759
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan menguatkuasakan Akta Timbang dan Sukat 1972 (Akta 71), ke atas meter-meter air pengguna individu dan swasta, memandangkan kini sudah banyak negeri-negeri menswatakan perkhidmatan air mereka.
67. PR-1311-L53167
Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa kebanyakan Lembaga Pegelola SJKC, SMJK dan SMPC masih menghadapi masalah dengan permohonan pengecualian cukai terhadap dana-dana pembangunan sekolah yang dikutip walaupun Menteri Kewangan telah mengumumkan pengecualian tersebut semasa Belanjawan 2012. Apakah tindakan Kementerian untuk mempercepatkan proses kelulusan termasuk menghapuskan karenah birokrasi di Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi yang sentiasa melengah-lengahkan ulasan serta sokongan.
68. PR-1311-L53295
Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian dapat memberi peruntukan membina jalan raya di kawasan Parlimen Hulu Rajang seperti jalan raya dari Pekan Belaga ke Punan Bah, Belaga Bahagian Kapit [65km], jalan raya dari Nanga Mujong, Baleh, Kapit ke Nanga Gaat, Baleh, Kapit [32km], jalan raya dari Rumah Panjang Jutan, Sungai Sut, Baleh, Kapit ke Rumah Panjang Bengau, Nanga Sut, Baleh, Kapit [13km] dan jalan akses ke lot pertanian di sekitar 15 rumah panjang di Penempatan Semula, Sungai Asap, Daerah Belaga [50km]
69. PR-1311-L53076
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Kerajaan Persekutuan mengambil langkah untuk menjadi 'pencelah' (Intervenor) dalam kes Saman Kerajaan Negeri Kelantan terhadap Petronas yang menuntut tunggakan Royalti minyak di Mahkamah, sedangkan Kerajaan Persekutuan bukanlah satu pihak dalam perjanjian Antara Petronas dengan Kerajaan Negeri Kelantan yang ditandatangani oleh kedua-duanya pada tahun 1975.

70. PR-1311-L54683

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan akan diambil atas perjudian internet haram yang begitu berleluasa di Sarawak. Memandangkan bahawa penguatkuasa undang-undang langsung tidak berkesan untuk mengatasi masalah tersebut, adakah Kerajaan bercadang melesenkan pusat perjudian internet supaya ia dapat dikawal.

71. PR-1311-L54565

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci tentang rasional 1Malaysia For Youth (iM4U) yang digerakkan dan bagaimana ia akan memudahkan perjuangan agenda transformasi nasional Kerajaan dan merealisasikan impian belia di Malaysia.

72. PR-1311-L53546

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) Festival Belia Putrajaya 2013 dilihat sebagai satu lagi kejayaan Kementerian dalam meraikan para belia di negara kita. Bolehkah jika sekiranya festival yang sama dilaksanakan di setiap negeri agar kemeriahannya dapat dirasai oleh lebih ramai belia di seluruh negara ; dan
- (b) apakah kelayakan dan kriteria yang diguna pakai untuk proses mendapat dan membina Kompleks Rakan Muda bagi sesebuah daerah atau kawasan Parlimen.

73. PR-1311-L54719

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan segala perolehan Kerajaan, terutamanya projek-projek penswastaan secara tender terbuka seperti yang dijanjikan dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP).

74. PR-1311-L54174

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan nasihat sebenar Jabatan Peguam Negara mengenai keabsahan (*legality*) pembatalan Skim Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang dibatalkan tahun lalu.

75. PR-1311-L54861

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa bilangan pegawai polis di Kawasan Parlimen Puchong serta bandingan dengan jumlah penduduk (*ratio*) dan jumlah kes-kes jenayah yang dilaporkan untuk tahun 2008 sehingga 2013 mengikut jadual kesalahan-kesalahan yang sedia ada serta cadangan Kerajaan untuk mengurangkan jenayah di Puchong.

76. PR-1311-L54369
Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang kejayaan pihak Polis Diraja Malaysia menumpaskan penyeludupan dadah ke negara ini. Seringkali dadah yang dirampas adalah dalam kuantiti yang banyak bernilai puluhan dan ratusan juta ringgit. Adakah ini menggambarkan:-
- (a) bilangan penagih dadah dalam negara ini telah meningkat dengan begitu banyak. Berapakah jumlah yang terkini penagih yang direkod oleh Kementerian di negara ini sekarang; dan
 - (b) apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan kejayaan mencapai negara sifar dadah menjelang tahun 2015.
77. PR-1311-L54645
Datuk Chua Tee Yong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan ke atas SPR dan bagaimana Kerajaan memastikan tuduhan-tuduhan tersebut dijelaskan dan memberi keyakinan kepada rakyat mengenai sistem pilihan raya negara kita.
78. PR-1311-L53975
Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa pihak Kerajaan enggan menujuhan IPCMC untuk menyiasat dakwaan kesalahan atau jenayah yang dilakukan oleh anggota polis.
79. PR-1311-L54008
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kes semasa PRU13, ada NGO yang bernama 1Malaysia NGO terlibat dalam membeli undi melalui lucky bonus di Pulau Pinang. Laporan Polis, SPR dan SPRM telah dibuat. Siapakah AJK-AJK 1Malaysia NGO ini dalam *Registrar Of Society (ROS)*. Apakah siasatan pihak berkuasa SPRM, Polis dan SPR terhadap kes ini.
80. PR-1311-L54054
Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dasar Kerajaan untuk memastikan setiap sukan diberi tumpuan dan peruntukan yang adil dan saksama.
81. PR-1311-L54841
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimakah Kerajaan boleh memastikan bahawa bantahan politik secara aman dilindungi secukupnya dengan baik secara undang-undang mahu pun amalan.
82. PR-1311-L53182
Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) bilakah penguatkuasa gaji minimum dilaksanakan, apakah tindakan terhadap majikan yang engkar; dan

- (b) berapakah majikan yang telah diambil tindakan kerana mengengkari arahan ini.
83. PR-1311-L54077
Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah minyak dan gas yang digali di kawasan luar tiga batu nautika dari pantai Sabah dibayar royalti minyak kepada Kerajaan Negeri Sabah.
84. PR-1311-L54902
Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan Kerajaan terhadap soal haluan kerja anggota PDRM berpangkat Inspektor hingga ke DSP ini akan diterima pakai oleh JPA kerana sehingga hari ini banyak tuntutan ditolak oleh JPA. Bolehkah pihak JPA memberi alasan penolakan tersebut berserta alasan.
85. PR-1311-L55002
Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memantau pengeluaran bahan-bahan bercetak atau media elektronik yang menyarkan berita palsu dan berunsur fitnah.
86. PR-1311-L54987
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah bantuan elektrik luar bandar yang telah diluluskan semenjak Rancangan Malaysia ke Sembilan akan dimulakan untuk empat puluh tujuh buah rumah dari Kampung Melayu Rejang dan Rumah Iban di Semalau.
87. PR-1311-L54948
Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapakah isu pemberian Kad Pengenalan kepada Orang Asing di Sabah wujud tetapi tidak pula berlaku di negeri Sarawak.
88. PR-1311-L54977
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bahawa Kampung Tradisi serta Kampung Baru di bawah seliaan JKKK dan JKKP manakala kawasan perumahan atau taman di bandar serta separa bandar tanpa seliaan mana-mana jawatankuasa yang mempunyai ramai penduduk serta pelbagai masalah. Apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

89. PR-1311-L55033

Tuan Rozman Isli [Labuan] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan statistik yang dikeluarkan Kerajaan berkaitan jumlah pelawat yang masuk dan keluar dari Labuan selalunya meliputi mereka yang berulang-alik ke Labuan atas urusan kerja atau sosial. Bolehkah Kementerian memaklumkan statistik jumlah pelancong sahaja yang memasuki Labuan sejak lima tahun lepas dan faktor-faktor yang mempengaruhi *trend* sedemikian.

90. PR-1311-L54924

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah punca dan faktor yang menyebabkan kejatuhan harga komoditi getah dan kelapa sawit di pasaran pada masa ini, yang menyebabkan pendapatan ramai pekebun kecil terjejas.

91. PR-1311-L54867

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apabila Khazanah Nasional menjual saham PROTON kepada DRB-HICOM pada tahun lalu, apakah DRB-HICOM juga diwajibkan meneruskan agenda membantu Bumiputera dalam industri automotif dalam hal pembelian alat ganti wakil penjual dan lain-lain.

92. PR-1311-L54699

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran kos pembinaan Projek Landasan Berkembar KTM/*Electric Train Service* (ETS) Selatan Semenanjung Malaysia; perkembangan terkini dan laporan terperinci Projek MRT dari Johor Bahru-Singapura dan Projek Keretapi Laju Kuala Lumpur-Singapura seperti jumlah kos projek dan stesen-stesen yang bakal dilaluinya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] dan masalah dicadangkan :-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (10 Julai, 2013)

2. **Menteri Kewangan akan mencadangkan:-**

“BAHAWASANYA, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula beberapa Kementerian berkuat kuasa 16 Mei 2013 seperti berikut :

- (a) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan dengan Kementerian Pelajaran yang kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan;
- (b) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi berkaitan kebudayaan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia dipindahkan ke Kementerian Pelancongan yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
- (c) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi kesejahteraan bandar di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang kini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kini dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

DAN BAHAWASANYA-

- (i) perbelanjaan pengurusan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2013 [Akta A1446];

- (ii) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];
- (iii) perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian-kementerian yang disusun semula telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013;
- (iv) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];
- (v) bagi Kementerian-kementerian yang disusun semula itu, perlu dibuat penguntukan semula peruntukan perbelanjaan pengurusan dan pembangunannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya; dan
- (vi) menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, tertakluk kepada suatu Rang Undang-undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana penguntukan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri,

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DEWAN INI, membuat ketetapan seperti berikut:

1. Berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus-
 - (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima bilion lapan ratus tiga puluh enam juta sembilan ratus tujuh puluh lima ribu sembilan ratus empat puluh tujuh ringgit (RM5,836,975,947) di bawah Maksud B.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud B.41 Kementerian Pendidikan;
 - (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus empat puluh dua juta tiga ratus tujuh belas ribu seratus dua puluh tiga ringgit (RM242,317,123) di bawah Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud B.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
 - (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi tujuh juta enam ratus lima puluh empat ribu lapan ratus tiga puluh empat ringgit (RM7,654,834) di bawah Maksud B.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud B.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

2. Berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan-

- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion sembilan ratus tujuh puluh lima juta seratus tujuh puluh satu ribu tiga ratus tujuh puluh satu ringgit (RM1,975,171,371) di bawah Maksud P.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud P.41 Kementerian Pendidikan;
- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi enam puluh empat juta tiga ratus empat puluh ribu lapan ratus enam puluh ringgit (RM64,340,860) di bawah Maksud P.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud P.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima puluh tujuh juta tiga puluh ribu tiga ratus lapan puluh lima ringgit (RM57,030,385) di bawah Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud P.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.”

3. (D.R. 4/2013) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus tiga belas juta empat ratus enam puluh sembilan ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM513,469,560) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2012 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2013 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

4. PR-1311-U53624

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia.

Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepas tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bagi rakyat Sabah."

(Menteri Dalam Negeri)

5. PR-1311-U53641

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen.

Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

(Perdana Menteri)

6. PR-1311-U53665

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

(Menteri Pendidikan)

7. PR-1311-U53673

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasikan amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

(Perdana Menteri)

8. PR-1311-U53606

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)". Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

(Perdana Menteri)

9. PR-1311-U53671

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

(Menteri Dalam Negeri)

10. PR-1311-U53672

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

11. PR-1311-U53434

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)

12. PR-1311-U54335

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

(Perdana Menteri)

13. PR-1311-U54336

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan perlaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesai serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia."

(Menteri Pengangkutan)

14. PR-1311-U54337

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

(Menteri Pendidikan)

15. PR-1311-U54338

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Perlaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

(Menteri Kewangan)

16. PR-1311-U54339

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

(Perdana Menteri)

17. PR-1311-U54341

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan beban hidup rakyat dan membolehkan lebih pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)

18. PR-1311-U53963

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya juga bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksloitasi."

(Menteri Sumber Manusia)

19. PR-1311-U53965

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

20. PR-1311-U54604

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

(Menteri Dalam Negeri)

21. PR-1311-U54605

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

(Menteri Pendidikan)

22. PR-1311-U55044

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

(Menteri Dalam Negeri)

23. PR-1311-U55043

Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengiktiraf bahawa Rakyat diberi akses munasabah kepada Parlimen dan premisnya; seterusnya bahawa langkah-langkah diambil supaya Dewan Rakyat dijadikan tempat yang lebih menggalakkan penyertaan dan minat rakyat; membuat ketetapan bahawa Rakyat dan pertubuhan-pertubuhan NGO dibenarkan penggunaan munasabah akan kemudahan di Parlimen termasuk untuk mengadakan sidang akhbar di lobi Parlimen dan bahawa rakyat tidak dipaksa menurut sebarang kod pakaian semasa berada di Dewan Rakyat atau premisnya."

(Perdana Menteri)

24. PR-1311-U55045

Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat timbang semula keputusan Tuan Timbalan Yang Dipertua berkenaan dengan perkara Peraturan Mesyuarat pada 1hb Julai 2013 iaitu keputusan Mahkamah dalam kes kematian dalam tahanan polis A.Kugan tidak boleh disebutkan menurut Peraturan Mesyuarat 36(2) atas alasan bahawa ianya berada di bawah timbangan Mahkamah (subjudice)."

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2013</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.18	Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2012.	11 Julai 2013
ST.19	Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia 2012.	11 Julai 2013
ST.32	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia Bagi Tahun 2012.	11 Julai 2013